

KEPERLUAN LATIHAN DAN PENDIDIKAN BERTERUSAN KE ARAH PEMBANGUNAN USAHAWAN MUSLIM BERTERASKAN NILAI ISLAM DI MALAYSIA

BUERAH TUNGGAK^{1*}, HUSSIN SALAMON² & BAHARIN ABU³

Abstrak. Aspek yang perlu diberi tumpuan dalam usaha mendidik dan membangun usahawan bumiputera Muslim, antaranya ialah sikap usahawan, kemahiran mengurus dan program pendidikan dan latihan yang berterusan. Kegagalan dalam tiga aspek ini akan menghalang daya tahan dan daya saing usahawan bumiputera Muslim berbanding usahawan bangsa lain. Usaha melahirkan usahawan yang menghayati nilai dan etika Islam dilihat semakin mendesak memandangkan keperluan serta cabaran mendatang dan persaingan yang ada. Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti keperluan pendidikan berterusan dalam memantapkan budaya niaga dan pembangunan keusahawanan Bumiputera Muslim PKS. Data kajian diperolehi melalui borang soal selidik dan temu bual bersama usahawan PKS yang menerima pembiayaan MARA di negeri Johor. Rresponden lain yang terlibat adalah usahawan Bumiputera PKS yang bukan penerima pembiayaan MARA, Pegawai MARA daerah yang mengelolakan pembiayaan, program latihan dan pembangunan serta usahawan Bumiputera yang berjaya. Dapatan kajian menunjukkan faktor kritikal kelemahan usahawan bumiputera adalah dipengaruhi oleh latar belakang dan pengalaman individu, sikap, nilai dan etika keusahawanan, pengetahuan dan kemahiran pengurusan, program pendidikan dan pembangunan keusahawanan dan desakan 'birokrasi' dan persekitaran. Kajian ini juga mengemukakan satu model pendidikan, latihan dan pembangunan usahawan Bumiputera Muslim berteraskan nilai dan etika Islam.

Kata kunci: Pembelajaran sepanjang hayat; keusahawanan; Bumiputera Muslim; perusahaan kecil dan sederhana (PKS)

Abstract. Aspects need to focus in educating and developing Muslim bumiputera entrepreneurs, among others are their attitudes, management skills and continuous education and training programs. Neglecting these three aspects could jeopardise sustainability of Muslim bumiputera entrepreneur as compared to entrepreneur of other races. Simultaneously efforts of inculcating Muslim bumiputera entrepreneur with Islamic business ethics are timely as to make them stay competitive in facing with the current business challenge. Thus this study is to identify the need of continuous education program in strengthening praise able business culture in developing SME Muslim bumiputera entrepreneurs. The data in this study are obtained through

^{1&2} Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru

³ Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru

* Corresponding author : buerah@utm.my

interviewing and circulating a set of questionnaire to SME bumiputera entrepreneurs who received sponsor from MARA in the state of Johor as well as those whom do not receive sponsor from MARA. Besides, few official from MARA who are responsible on handling the loan and training were also selected as respondents in this research. The finding of the research shows that critical factors that contribute to the weaknesses of bumiputera entrepreneurs are their background, experience, ethic value and attitude towards entrepreneurship, knowledge and management skill, education and entrepreneur's development program and bureaucracy. This study proposed a model of education, entrepreneur training and development program base on Islamic values and ethics.

Keywords: Life long learning; entrepreneurship; Muslim bumiputera; small and medium enterprise (SME)

1.0 PENGENALAN

Pendidikan dan pembangunan mempunyai hubungan yang sangat signifikan, dimana jenis pendidikan yang diterima akan mencorakkan bentuk pembangunan yang berlaku (Mohd. Kamal Hassan, 1988). Sekiranya baik pendidikan yang disalurkan, maka baiklah hasilnya ke atas pembangunan, sebaliknya kepincangan dalam sistem pendidikan akan melahirkan individu yang mempunyai keupayaan terhad kearah pembangunan negara. Pendidikan dalam konteks yang paling umum, adalah *"process by which behavioral changes take place in an individual as a results of experience which has undergone"* (Mohd. Kamal Hassan, 1988). Pendidikan tidak hanya melibatkan penguasaan ilmu atau kemahiran tetapi mencakupi pengalaman-pengalaman yang didapati di luar pendidikan formal.

Perkara yang sama turut mendapat perhatian daripada *United Nations, Educational, Scientific and Cultural Organization (UNESCO)*, sebuah pertubuhan antarabangsa berkaitan dengan pembangunan pendidikan negara dunia ketiga. Pada tahun 1980an dan sebelumnya pertubuhan antarabangsa ini hanya melihat pendidikan dalam konteksnya yang sempit, terhad kepada prinsip persekolahan dan pembelajaran formal sahaja yang berakhir dengan persijilan atau kegagalan, sama ada di peringkat sekolah mahupun universiti. Kesannya pendidikan telah gagal memberikan sumbangan yang bermakna kepada pembangunan negara-negara ahli. Menyedari kepincangan tersebut, skop pendidikan telah diperluaskan, kepada konsep 'pendidikan untuk semua sepanjang hayat' yang kini telah digunapakai dikebanyakan negara anggota pertubuhan tersebut (Hussein Hj. Ahmad, 2001).

Penegasan mengenai konsep pendidikan di atas menunjukkan proses pendidikan merupakan satu proses berterusan sepanjang hayat yang bersifat komprehensif, mencakupi pendidikan formal dan tidak formal di sepanjang hayat hidup seseorang individu (Sufean Hussin, 1996). Antara faktor yang menjadi penggerak pendidikan mutakhir ialah keperluan kepada budaya sejangkit dan pendidikan seumur hidup yang juga akan menjadi asas bagi pendidikan (Hasan Langgulung, 1995). Boleh dikatakan bahawa pendidikan merupakan satu proses transformasi masyarakat dalam segenap aspek kehidupan, meliputi cara berfikir, budaya, sosial, dan ekonomi. Ia bukan hanya meliputi persoalan yang melibatkan aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran sahaja bahkan meliputi seluruh kehidupan manusia.

2.0 SOROTAN KAJIAN

Merujuk kepada pendidikan golongan usahawan, hasil kajian mendapati terdapat hubungan yang positif antara pendidikan keusahawanan dengan kejayaan usahawan sementara pendidikan pula mempunyai hubungan positif dengan pembangunan ekonomi (Zaidatul Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Alias, 1997). Maka itulah usahawan yang berjaya adalah usahawan yang lebih berpendidikan (Seminar Pembinaan Keupayaan Melayu dalam Arus Globalisasi, 2003). Justeru itu pendidikan keusahawanan yang berterusan penting kerana ia dapat memberi pelbagai faedah seperti membantu seseorang usahawan mengenali potensi diri dan aspirasinya terhadap bidang keusahawanan, membentuk personaliti dan ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh usahawan berjaya serta membolehkan usahawan mendapatkan maklumat terkini berkaitan sesuatu perniagaan.

Dari perspektif Islam, proses pendidikan adalah terarah bagi menyediakan individu sebagai khalifah dan hamba Allah. Individu yang sudah terdidik seterusnya menyumbang ke arah pembangunan masyarakat demi kejayaan hidup di dunia dan di akhirat.

Education from the Islamic perspective may be described as a life long process of preparing an individual to actualize his role as a vicegerent (Khalifah) of Allah on earth and thereby to contribute fully to the reconstruction and development of his society in order to achieve well

being in this world and well being in the hereafter (hasanah fi'd dunya and hasanah fi'l akhirah Q. 2:201, 7:156, 16:122).

(Mohd. Kamal Hassan, 1989)

Oleh itu, pendidikan merupakan satu proses transformasi masyarakat dalam segenap aspek kehidupan, meliputi cara berfikir, budaya, sosial, dan ekonomi. Ia bukan hanya meliputi persoalan yang melibatkan aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran sahaja bahkan meliputi seluruh kehidupan manusia. Menurut An Nahlawi (1995), pendidikan dalam Islam melibatkan pengembangan fikiran, penataan perilaku, pengaturan emosi, hubungan antara peranan manusia dengan alam ini serta bagaimana menjadikan manusia sebagai khalifah di bumi ini. Apa yang jelas, ajaran Islam mengemukakan ruang lingkup pendidikan yang lebih luas, iaitu menggabungkan di antara pendidikan formal dan tidak formal (pendidikan yang diperolehi daripada institusi persekolahan) dan pendidikan seumur hidup (Mohd. Kamal Hassan, 1988).

Oleh kerana pendidikan merupakan pewarisan kebudayaan dan pengembangan potensi-potensi yang ada pada diri manusia (Hasan Langgulung, 1997), maka pendidikan formal persekolahan sahaja sudah tentu tidak akan dapat mencapai tujuan-tujuan pembangunan individu dan negara (Mohd. Kamal Hassan, 1988). Sebaliknya, proses pendidikan yang berterusan akan dapat menyalurkan ilmu pengetahuan, sikap, nilai dan kemahiran yang diperlukan untuk memperbaiki kelemahan yang ada pada individu. Dengan sifatnya sebagai hamba yang lemah, individu Muslim perlu memperbaiki diri dengan cara menambahkan ilmu pengetahuan supaya dengan bertambahnya ilmu pengetahuan akan dapat memantapkan keimanan. Keteguhan iman pula akan dapat menghalang manusia Muslim daripada melakukan perkara-perkara yang dilarang oleh ajaran Islam. Jelaslah pendidikan menurut perspektif Islam adalah pendidikan berteraskan nilai dan etika di mana tujuan akhirnya adalah sama dengan tujuan hidup yang ditentukan ke atas individu dan masyarakat iaitu pengabdian kepada Allah S.W.T.

Nilai dan etika dalam konteks pendidikan Islam sudah tentulah merujuk kepada pendidikan akhlak kerana seluruh aktiviti yang terlibat dalam proses pendidikan Islam adalah ke arah pembinaan sahsiah manusia berakhlak mulia (Ghazali Basri, 1984). Perkara ini bersesuaian dengan tujuan manusia dijadikan iaitu merelisasikan perhambaan kepada Allah baik secara individu mahupun secara sosial. Penekanan kepada pembentukan akhlak mulia merupakan

komponen penting dalam pendidikan Islam di semua peringkat pendidikan bersesuaian dengan kedudukan manusia yang mulia melebihi makhluk-makhluk lain. Merujuk kepada pandangan-pandangan di atas berkaitan dengan konsep pendidikan menurut pandangan Islam menjelaskan bahawa pendidikan yang menekankan akhlak atau etika mulia dapat menyalurkan perubahan nilai baru bagi mengubah nilai dan etika bertentangan dengan ajaran Islam yang masih diamalkan oleh masyarakat (Abd Rahim Abd Rashid, 2001).

Sehubungan dengan itu pendidikan bagi golongan usahawan Muslim juga perlu melalui proses yang sama. Pendidikan asas keusahawanan yang diberikan semasa di alam persekolahan dapat membantu melahirkan individu yang memiliki ciri-ciri dan nilai-nilai keusahawanan kerana kurikulum pendidikan yang disediakan berupaya melahirkan individu yang inovatif, kreatif, yakin diri, rajin berusaha dan cekal dalam bidang yang diceburi (Nor Aishah Buang, 2002). Namun, selain daripada ciri-ciri tersebut, usahawan Muslim perlu mempunyai etika dan ciri-ciri keusahawanan yang lebih khusus seperti amanah, jujur, adil, menepati janji, ketelusan diri dan '*ihsan*' yang hanya dapat dipupuk melalui proses pendidikan berterusan sepanjang hayat.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti amalan budaya niaga usahawan Bumiputera bagi merangka kaedah dan model pendidikan dan pembangunan usahawan Bumiputera Muslim. Bagi menjawab persoalan kajian, rekabentuk kajian yang mengaplikasi kaedah kajian *mix methodology* iaitu gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif telah dijalankan. Data kajian diperolehi daripada borang soal selidik, protokol temubual dan analisis dokumen. Kepelbagaian teknik pengutipan data ini digunakan bagi tujuan pengukuhan data bagi mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan dapatan kajian (Baharin Abu, 2000; Marohaini Yusoff, 1996; Mohd Kassim Basir, 2003; dan Golafshani, 2003). Responden kajian melibatkan 241 orang usahawan penerima pembiayaan MARA di negeri Johor. Sesi temubual melibatkan 15 partisipan yang terdiri daripada usahawan penerima pembiayaan MARA, usahawan bukan penerima pembiayaan MARA, pegawai MARA yang terlibat dalam mengendalikan pembiayaan MARA dan program pendidikan dan latihan keusahawanan MARA serta usahawan bumiputera berjaya. Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian komputer

Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) sementara data kualitatif pula menggunakan analisis pengredan bagi menghasilkan tema (Baharin Abu, 2000; Spradley, 1980; Merriam, 1988; Bogdan dan Biklen, 1998).

4.0 DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Analisis dapatan kajian menunjukkan beberapa faktor kritikal yang mempengaruhi kejayaan dan kelemahan usahawan bumiputera adalah latarbelakang diri dan pengalaman, sikap, nilai dan etika keusahawanan, pengetahuan dan kemahiran pengurusan, program pendidikan dan latihan pembangunan keusahawanan dan desakan 'birokrasi' dan persekitaran.

4.1 Latar Belakang Diri dan Pengalaman

Faktor penting yang banyak mendorong individu menceburi bidang keusahawanan adalah mereka ingin meningkatkan status sosioekonomi dan berminat untuk berniaga. Pendedahan awal dari keluarga yang berniaga dan mewarisi perniagaan menyumbang kepada penglibatan responden menjadi usahawan (Mohd. Amir Sharifuddin, 1983; Humam Mohamad, 1988; Chin Yee Wah, 2003). Dapatan kajian menunjukkan lima sebab responden memilih kerjaya sebagai usahawan adalah kerana ingin meningkatkan status sosioekonomi (46%), berminat (41%), jemu makan gaji (7%), mewarisi perniagaan keluarga (3%) dan tidak mendapat pekerjaan lain (3%). Majoriti responden berasal dari keluarga dimana bapa bekerja kampung (41%), makan gaji (27%) dan berniaga (23%). Sebilangan besar responden (69%) mempunyai ahli keluarga terdekat seperti ibubapa dan adik beradik yang terlibat dengan bidang perniagaan atau sebagai usahawan. Walau bagaimanapun hasil kajian mendapati sebab-sebab kegagalan usahawan bumiputera adalah kerana mereka masih kurang bersedia disebabkan (1) kurang mendapat pendedahan terhadap ilmu perniagaan dan keusahawanan, (2) kurang berminat menghadiri kursus latihan keusahawanan, dan (3) kurang pengalaman.

Dari aspek latarbelakang pendidikan dan pengalaman dalam perniagaan hampir 70 peratus daripada usahawan bumiputera dikaji mempunyai tahap pendidikan formal yang rendah (SPM atau kurang), 72.2 peratus mempunyai pengalaman berniaga 10 tahun atau kurang dan hampir 70 peratus memulakan perniagaan dengan modal permulaan perniagaan sebanyak RM 20,000 atau

kurang. Faktor-faktor ini ternyata mempengaruhi pemilihan jenis perniagaan yang dijalankan dimana hampir 85 peratus tertumpu kepada jenis perniagaan pemilikan tunggal yang memerlukan modal yang kecil, mudah diurus dan tidak memerlukan pekerja yang ramai.

Kekangan faktor-faktor yang dinyatakan di atas menjadikan usahawan Bumiputera kurang berdaya saing dan keadaan ini menyumbang kepada kegagalan mereka dalam bidang perniagaan yang diceburi berbanding dengan usahawan bangsa Cina (Chin Yee Whah, 2003). Menceburi bidang perniagaan tanpa sebarang latihan juga merupakan perkara yang sering berlaku dalam kalangan usahawan Melayu (Mohd. Amir Sharifuddin, 1983; Humam Mohamad, 1988). Usahawan yang mendapat pendedahan pendidikan dan latihan mencukupi dan berpengalaman, mengamalkan budaya niaga yang lebih baik berbanding dengan usahawan yang kurang menerima pendidikan dan latihan (Moha Asri Abdullah, 1998; Mohd. Amir Sharifuddin, 1983). Kajian mereka juga mendapati usahawan berjaya menerima pendidikan lebih baik, berasal daripada keluarga yang mempunyai pengalaman menjalankan perniagaan, berupaya menambahkan bilangan perniagaan dan berkesanggupan mengambil risiko sederhana (Abdul Khalid Ibrahim, 1992).

Dalam kajian ini faktor keluarga berniaga, motivasi diri, pengalaman bekerja dengan peniaga lain dan suka kepada kehidupan bersosial mempengaruhi keputusan menjadi peniaga dan mempengaruhi kejayaan perniagaan dalam kalangan usahawan Melayu. Perkara yang sama juga berlaku dalam kalangan usahawan bangsa Cina (Chin Yee Whah, 2003). Namun dalam kalangan sebahagian besar usahawan bumiputera Melayu, menjadi peniaga hanya sebagai sumber pekerjaan, oleh itu mereka tidak mementingkan keperluan untuk menghadiri program-program pendidikan dan latihan secara berterusan. Dapatan ini selari dengan dapatan Humam Mohamad (1988) dan Moha Asri Abdullah (1997). Kurang pendedahan awal dalam bidang perniagaan atau menceburi bidang perniagaan tanpa sebarang latihan juga merupakan perkara yang sering berlaku dalam kalangan usahawan Melayu (Mohd. Amir Sharifuddin, 1983; Humam Mohamad, 1988; Zaidatul Akmaliah dan Habibah Alias, 1997; Chin Yee Whah, 2003)

4.2 Sikap, Nilai dan Etika Keusahawanan

Kajian ini mendapati aspek sikap, nilai dan etika keusahawanan mempengaruhi budaya niaga usahawan bumiputera. Analisis terhadap aspek sikap, nilai dan etika keusahawanan berdasarkan ciri nilai kebebasan (berbanding kebergantungan), kejujuran, berilmu dan berkemahiran serta akauntabiliti ditunjukkan dalam Jadual 4.1.

Jadual 4.1 Min dan sisihan piawai sikap keusahawanan

Ciri-ciri Sikap Usahawan	Min	Sisihan Piawai
Akauntabiliti	4.27	0.59
Kejujuran	4.25	0.75
Berilmu dan berkemahiran	4.19	0.57
Kebebasan	3.87	0.80
Min keseluruhan	4.15	0.78

Dapatan kajian (Jadual 4.1) mendapati responden memberikan persetujuan yang tinggi bagi tiga ciri yang dikaji kecuali ciri kebebasan. Ini menunjukkan usahawan bumiputera masih menunjukkan kecenderungan yang tinggi bagi pergantungan terhadap bantuan kerajaan. Dapatan temu bual pula menunjukkan partisipan memberikan penilaian yang rendah terhadap ciri kebergantungan, kejujuran, berilmu dan berkemahiran serta akauntabiliti. Analisis data kualitatif dalam kajian ini menunjukkan bahawa amalan nilai dan sikap negatif usahawan Bumiputera masih berlaku seperti pergantungan yang berterusan terhadap bantuan kerajaan dan pihak-pihak lain. Berlaku juga kes-kes ketidakjujuran dan penipuan, enggan atau lewat membayar balik pembiayaan yang diterima, tidak mempunyai kecenderungan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kurang mengamalkan sikap akauntabiliti. Perbezaan dan amalan sikap dan nilai negatif ini menjelaskan nilai amalan sebenar usahawan Bumiputera (Moha Asri Abdullah, 1997; Mohd. Amir Sharifuddin, 1983; Humam Mohamad, 1988; Mat Hassan Esa, 1992; Wan Liz Ozman, 2000).

4.3 Pengetahuan dan Kemahiran Pengurusan

Aspek pengetahuan dan kemahiran pengurusan keusahawanan merupakan kelemahan utama usahawan Bumiputera PKS. Elemen pengurusan yang dikaji adalah aspek perakaunan dan kewangan, pengurusan sumber manusia, pemasaran serta jaringan perniagaan.

Jadual 4.2 Min dan sisihan piawai elemen pengetahuan dan kemahiran pengurusan usahawan Bumiputera

Elemen Pengetahuan dan Kemahiran Pengurusan	Min	Sisihan Piawai
Perakaunan dan kewangan	4.21	0.89
Pengurusan sumber	4.05	0.95
Pemasaran	3.80	0.98
Jaringan perniagaan	3.57	1.10
Min keseluruhan	4.20	0.95

Dapatan dalam Jadual 4.2 menunjukkan pemasaran dan jaringan perniagaan merupakan masalah yang dihadapi oleh responden. Dapatan temu bual pula mendapati usahawan bumiputera juga lemah dalam pengurusan perakaunan dan kewangan. Empat orang usahawan yang menerima pembiayaan MARA dan seorang usahawan bukan penerima pembiayaan MARA kategori usahawan berdaya saing yang ditemu bual mengakui kelemahan mereka dalam membuat perakaunan sendiri hingga menyebabkan mereka mengupah syarikat lain untuk membuat perakaunan perniagaan mereka. Kelemahan usahawan bumiputera dalam membuat perakaunan dan kewangan perniagaan ini diakui kebenarannya oleh pegawai-pegawai MARA. Perkara ini dapat dikesan apabila ada dalam kalangan usahawan bumiputera yang mengisi borang pembiayaan gagal menyediakan perakaunan perniagaan mereka. Ini telah memaksa pegawai-pegawai MARA membantu usahawan tersebut membuat perakaunan untuk membolehkan permohonan untuk mendapatkan pembiayaan diluluskan. Bagi sesetengah usahawan bumiputera pula, mereka tidak dapat memisahkan antara pemilikan peribadi dengan entiti perniagaan serta sanggup mengeluarkan dan menggunakan wang tunai dan barang niaga untuk kegunaan diri sendiri dan keluarga tanpa membuat sebarang catatan. Akibatnya stok barang dan wang tunai perniagaan

semakin berkurang, kredit tidak dapat dibayar sehingga menyebabkan operasi perniagaan ditutup. Di samping itu, usahawan bumiputera juga tidak membuat simpanan perniagaan dari pendapatan perniagaan yang diterima. Ini menyebabkan perniagaan mereka tidak dapat bertahan dan terpaksa 'gulung tikar' apabila berlaku kemelesetan ekonomi dan kontrak perniagaan dibekukan.

Dapatan kajian juga menunjukkan ramai usahawan Bumiputera tidak mempunyai jaringan atau rangkaian sesama usahawan. Justeru itu mereka menghadapi masalah perniagaan seperti mencari rakan niaga, mendapatkan pinjaman, menukar peluang perniagaan, bertukar pendapat atau bertukar-tukar kepakaran dan kemahiran yang boleh membantutkan usaha-usaha mengembangkan perniagaan. Walaupun terdapat banyak persatuan perniagaan dan dewan perniagaan yang ditubuhkan atas nama persatuan atau dewan perniagaan Bumiputera, Melayu atau Islam bertujuan untuk membantu usahawan, malangnya sebahagian besar daripadanya tidak aktif atau lemah (Wan Liz Ozman, 2000). Sebaliknya usahawan Cina mempunyai jaringan yang kukuh dan berupaya menjaga kepentingan ahli dan kaumnya.

Dapatan temu bual menunjukkan kekangan yang menghalang wujudnya jaringan perniagaan yang kuat dalam kalangan usahawan Bumiputera Muslim ialah sikap tidak bersungguh-sungguh, kurang percaya antara satu sama lain, irihati melihat kejayaan rakan seperjuangan dan hasad dengki dengan kejayaan peniaga, serta tidak suka membantu apabila telah berjaya (Wan Liz Ozman, 2000; Mat Hassan Esa, 1992). Persatuan perniagaan yang dianggotai oleh usahawan bumiputera, peneraju-penerajunya mengambil kesempatan membolot kontrak-kontrak kerajaan yang ditawarkan melalui persatuan perniagaan sementara ahli-ahlinya diketepikan. Hal ini berbeza dengan jaringan perniagaan dalam kalangan usahawan bangsa asing seperti kaum Cina. Mereka sangat mengambil berat soal berpersatuan serta calon pemimpin dan ahlinya pula komited untuk saling membantu sesama mereka.

Bagi pengurusan sumber, ramai usahawan tidak memperdulikan program latihan untuk meningkatkan kemahiran pekerja mereka. Ada di antara usahawan yang gagal membayar gaji kepada pekerja-pekerja mereka di samping tidak menyediakan kemudahan KWSP dan SOCSO. Usahawan bumiputera juga menghadapi masalah untuk mendapatkan pekerja yang berkelayakan kerana di samping kedudukan premis perniagaan yang tertumpu di kawasan pedalaman. Usahawan bumiputera hanya mampu menyewa gerai atau bazaar yang dibina oleh MARA atau majlis daerah yang antaranya terletak di lokasi yang tersorok atau

kurang strategik. Bagi usahawan bumiputera yang mengusahakan bidang pemprosesan makanan pula, mereka lebih tertumpu di kawasan pedalaman yang menyukarkan mereka mendapatkan pekerja berkecukupan dan membuat promosi secara besar-besaran.

Di samping itu, kualiti barang yang rendah, reka bentuk dan pembungkusan produk yang kurang menarik, masalah strategi pemasaran dan keluasan pasaran yang terhad, sukatan atau kandungan tidak memenuhi piawaian dan keupayaan meningkatkan mutu barangan yang terbatas serta perletakan premis perniagaan yang tidak strategik adalah antara masalah utama kompetensi pemasaran yang berlaku. Wujud dalam kalangan usahawan PKS yang memasarkan barangan mereka dengan cara yang tidak terancang kerana kekurangan modal (min 2.41), memasarkan barang atau perkhidmatan melalui pertimbangan peribadi bukan melalui kajian pemasaran (min 3.70) dan tidak berupaya melakukan promosi meluas untuk membolehkan barang atau perkhidmatan yang dikeluarkan mendapat pasaran (min 3.77) dan sanggup melakukan berbagai cara yang tidak beretika untuk mempengaruhi pengguna (rujuk Moha Asri Abdullah *et al.*, 2000). Kajian Moha Asri Abdullah (1997, 1998, 1999) dan Mohd. Hassan Osman (2002) menyimpulkan bahawa usahawan Bumiputera PKS tidak mampu bersaing dengan firma besar kerana kekurangan modal untuk melakukan pemasaran yang meluas.

4.4 Program Pendidikan dan Latihan Pembangunan Keusahawanan

Dapatan kajian mendapati ketidak berkesanan program latihan masih berlaku kerana skop latihan keusahawanan yang terlalu luas. Ini menyebabkan program keusahawanan terpaksa dilaksanakan secara 'ala kadar' (Barjoyai Bardai, 2000; Mohd. Amir Sharifuddin, 1983; Adnan Alias, 1992). Program-program pendidikan dan latihan keusahawanan dijalankan oleh agensi kerajaan mahupun swasta dan jumlahnya pula semakin bertambah. Walau bagaimanapun, dari segi keberkesanan program, liputan program, isi kandungan dan kesinambungannya masih perlu dibaiki. Program latihan yang dijalankan hanya untuk 'melepaskan batuk ditangga' dan sijil-sijil yang diterima oleh peserta hanya dijadikan modal untuk mendapatkan lesen, kontrak dan pinjaman perniagaan. Norfadzillah Hitam (1993) menyatakan kualiti latihan keusahawanan boleh ditingkatkan oleh agensi-agensi pengendali program seperti MARA dan MEDEC untuk mewujudkan kumpulan baru usahawan Bumiputera.

Analisis kajian mendapati ketidakhadiran kursus dan latihan keusahawanan adalah tinggi. Sebanyak 47.3 peratus responden menyatakan tidak pernah menghadiri sebarang kursus keusahawanan sebelum memulakan perniagaan manakala 51 peratus responden pula tidak pernah menghadiri kursus setelah menjalankan perniagaan. Walau bagaimanapun responden percaya dan menyatakan bahawa program latihan dan pembangunan berupaya meningkatkan ilmu pengetahuan (min 4.34), meningkatkan kemahiran (min 4.24) dan meningkatkan keperibadian (min 4.38).

Temu bual dengan partisipan mendapati program pendidikan dan latihan keusahawanan perlu penambahbaikan dari segi pendekatan, pengisian, penyampaian dan sasaran, walaupun latihan keusahawanan di Malaysia tidak dijadikan prasyarat untuk menubuhkan perniagaan (Humam Mohamad, 1988; Norfadzilah Hitam, 1993). Pendekatan latihan keusahawanan terhadap usahawan bumiputera Muslim bukan hanya menumpukan kepada bentuk ceramah atau kuliah berbentuk teori. Bengkel, latihan dalam kumpulan, lawatan, program-program kerohanian seperti *qiamullail*, majlis *ta'lim* dan kuliah subuh adalah perlu untuk memberikan kesedaran diri dan meningkatkan motivasi keusahawanan.

4.5 Desakan 'Birokrasi' dan Persekitaran

Dapatan kajian mendapati isu melobi dan perbuatan rasuah merupakan antara amalan yang lahir akibat desakan persekitaran dan sistem amalan birokrasi. Terdapat responden bersetuju bahawa perbuatan melobi 'perlu' dilakukan bagi meningkatkan kemajuan perniagaan atau berjaya mendapatkan perniagaan. Fenomena rasuah yang dilakukan di jabatan kerajaan yang melibatkan kelulusan tender, pembayaran, dan penguatkuasaan merupakan budaya atau kebiasaan yang tidak dapat dielakkan (Ahmad Zaki Husin, 2001). Ada kalanya lobi dan rasuah dilakukan secara sukarela oleh usahawan sendiri kepada pegawai kerajaan supaya dapat memudahkan urusan atau mempengaruhi keputusan untuk memihak kepada usahawan. Terdapat tiga bentuk amalan rasuah yang berlaku iaitu wang sogokan atau wang kopi (*bribery*), pemerasan (*extortion*) dan pilih kasih (*nepotism*).

Karenah birokrasi didapati telah mengheret usahawan kepada perbuatan rasuah. Kelewatan pembayaran sering kali dihadapi oleh kontraktor Bumiputera

yang melaksanakan projek kerajaan, walaupun kerja-kerja telah dilaksanakan mengikut jadual dan spesifikasi seperti yang ditetapkan dalam perjanjian. Contohnya seorang kontraktor kelas F memberitahu bahawa beliau bagaikan peminta sedekah ketika ingin mendapatkan bayaran sedangkan pembayaran itu penting untuk membayar pelbagai bil dan gaji pekerja serta meneruskan projek lain. Kontraktor tersebut terpaksa berhadapan dengan kerenah birokrasi yang kadang kala sengaja diadakan oleh pihak tertentu untuk mendapatkan habuan rasuah. Kalau tiada 'orang dalam' sudah pasti urusan mendapatkan bayaran akan menghadapi pelbagai masalah, sedangkan menggunakan 'orang dalam' bermakna terpaksa menghulurkan sesuatu sebagai 'sogokan' (Berita Harian, Februari 2003).

Data temu bual mendapati isu melobi dan perbuatan rasuah banyak melibatkan perniagaan pengkontraktor dan bahagian penguatkuasaan dalam persaingan untuk mendapatkan kelulusan projek atau tender. Dua orang usahawan kontraktor pembinaan yang ditemubual mengakui bahawa jenis perniagaan yang mereka ceburi sentiasa terdedah kepada perbuatan melobi dan rasuah. Seorang kontraktor wanita yang telah terlibat dalam perniagaan pengkontraktor selama 14 tahun berpendapat melobi perlu untuk meyakinkan pihak tertentu bagi mendapatkan kelulusan tender dan memberi 'habuan' bila ianya berjaya.

Lobby itu memang perlu sebab kalau kita tak lobi kita tak dapat peluang. Maksud saya lobby ni macam kita pergi jumpa orang orang tertentu untuk mendapat kerja [projek perniagaan]. Tidak perlu sampai menawarkan dia komisen, bawak mereka pergi 'enjoy' dan membeli barang yang mereka suka, bukannya beri hadiah. Kita belanja dia orang makan dalam pejabat. Bukan kata seorang pegawai kita jaga dan beri rasuah untuk dapatkan sesuatu projek untuk kita. Kita tak perlu semua itu. Sebenarnya benda tu tak salah mengikut undang undang dan agama. Bagi saya, kami pergi minta, orang tu memberi dan kita meraikan mereka. Orang lain mungkin ada cara tersendiri. Tapi kebanyakan tempat memang macam tu.

(R12, Temu bual 12, 135-136/UM)

Ternyata perbuatan melobi tetap merupakan satu bentuk pergantungan kepada pihak tertentu untuk memastikan mereka mendapat sesuatu tender atau projek. Perlakuan melobi boleh mengakibatkan rasuah apabila terdapatnya kepentingan kedua-dua belah pihak (Syed Hussein al-Atas, 1990).

Rasuah adalah merupakan satu perbuatan yang sangat ditegah dalam Islam samada memberi atau menerima rasuah dan mencari rezeki yang halal adalah satu kewajipan.

“Rasulullah melaknat seseorang yang memberi rasuah dan orang yang menerimanya.”

(Riwayat Abu Dawud)

“Allah SWT melaknat pemberi rasuah, penerima rasuah dan perantaranya.”

(Riwayat Ibnu Majah)

“Mencari rezeki yang halal merupakan suatu kewajipan kepada setiap orang Islam.”

(Hadis riwayat al-Tabarani)

Pandangan secara umum mendapati bahawa masalah besar yang terpaksa dihadapi oleh usahawan Bumiputera terutamanya dalam bidang pengkontraktor ialah masalah untuk mendapatkan tender secara telus tanpa memberi rasuah kepada pihak yang meluluskan tender di jabatan kerajaan. Kegagalan memberikan ‘wang kopi’ atau ‘duit pelincir’ mungkin menyebabkan kontraktor gagal mendapatkan tender atau sekiranya tender telah diperolehi, kelambatan menerima bayaran berlaku yang boleh menyebabkan kerugian perniagaan sebagaimana yang pernah dialami oleh partisipan berikut,

“Selama saya duduk dalam bidang kontraktor, banyak jabatan yang kita tengok meminta dan mengambil rasuah ... Sebenarnya, saya tak mengamal rasuah sebab tu mungkin susah nak dapat projek. Kadang kadang bila kontraktor berani, ada sesetengah pegawai kerajaan diberi rasuah. Inilah yang paling saya bimbang.”

(R12, Temu bual 12, 129-133, 123-127/UM)

Terdapat juga usahawan yang menyatakan mereka terpaksa memberi ‘wang kopi’ atau ‘wang pelincir’ bagi mempercepatkan urusan pembayaran kerana sikap sebahagian kakitangan tertentu di jabatan-jabatan kerajaan atau golongan peniaga yang mengambil kesempatan meminta rasuah ketika berurusan dengan mereka. Mereka tidak mempunyai pilihan untuk menghindari

perbuatan tersebut kerana budaya persekitaran perniagaan mereka bergelumang dengan amalan rasuah. Menurut salah seorang daripada mereka

“Di pihak atas, yang atas yang masalah sekarang, orang kita [Islam] juga. Apabila orang ofis, dia tengok cek banyak RM100,000 ke RM150,000 dia simpan aje dia tak pos. Dia tunggu kontraktor datang, “Oklah bang, kalau cek nak ambil kasilah duit RM100 ke RM150 ke. Kalau cek awak katakan RM200,000 awak takut ke nak bagi RM100, RM 200, tak takutkan!” Kat situ kita terjerat dengan diri sendiri. Ini masalah kita kontraktor kontraktor...”

(R13, Temu bual 13, 111-116/UM)


Dalam satu kes yang lain, seorang kontraktor menambak laut di sebuah negeri terpaksa membayar beratus ribu wang sogokan dalam usaha mendapatkan kontrak, lesen dan permit dan membayar wang sogokan agar tidak diambil tindakan ke atas kesalahan kecil operasi perniagaan (Dewan Masyarakat, 1998). Pemberian rasuah ini terpaksa beliau lakukan walaupun beliau menyedari ia adalah menyalahi nilai dan etika Islam.

4.6 Model Pendidikan dan Pembangunan Usahawan

Kajian ini mengemukakan satu model pendidikan dan pembangunan usahawan Bumiputera Muslim dalam usaha membentuk individu usahawan.

4.6.1 Proses Pembentukan Sikap Keusahawanan

Kajian ini mendapati usahawan bumiputera menunjukkan sikap tidak efektif dan tidak beretika seperti bergantung berterusan kepada bantuan dan kontrak kerajaan, ketidakjujuran seperti enggan membayar balik pembiayaan, melakukan penipuan serta mengalibabakan kontrak perniagaan yang diperolehi. Mereka juga mengamalkan sikap tidak mementingkan usaha untuk menambahkan ilmu



Rajah 1 Model pendidikan dan pembangunan usahawan Bumiputera Muslim

pengetahuan serta tidak berakauntabiliti seperti tidak mementingkan kualiti produk, tidak menunaikan zakat perniagaan dan tidak prihatin terhadap amalan perniagaan yang melibatkan riba'. Pembinaan sikap efektif dan beretika terhadap golongan usahawan boleh dilakukan menerusi pendidikan dan pengawalan bagi memupuk sikap keusahawanan Bumiputera ke arah melahirkan ciri-ciri mulia

seorang usahawan Muslim seperti kebebasan, kejujuran, berilmu dan berkemahiran serta akauntabiliti, beberapa faktor perlu diambilkira.

4.6.2 *Kekuatan Sedia Ada*

Usahawan Bumiputera di Malaysia mempunyai kekuatan sedia ada kerana mereka dilahirkan sebagai seorang penganut Islam. Ajaran Islam sememangnya sangat menekankan usaha-usaha mencari rezeki melalui kegiatan perniagaan dan perdagangan. Ia juga telah menyediakan peraturan yang lengkap, bagaimana usaha-usaha perniagaan perlu dijalankan, nilai dan etika yang perlu dipatuhi supaya usaha-usaha perniagaan tersebut tetap menjadi sebahagian daripada ibadah yang menjadi tuntutan setiap umat Islam. Hal ini merupakan satu kekuatan bagi usahawan Bumiputera yang tidak terdapat dalam ajaran agama lain justeru itu pemahaman yang jelas terhadap ajaran Islam akan dapat membantu pembentukan sikap keusahawanan yang dapat melahirkan ciri-ciri usahawan Muslim.

4.6.3 *Program Pendidikan dan Latihan Keusahawanan Berterusan*

Program pendidikan dan latihan terhadap golongan usahawan perlu menekankan bentuk latihan dan pendidikan yang bersifat praktikal, kerana segala pengalaman-pengalaman pembelajaran yang diperolehi daripada kursus perlu dipraktikkan dalam amalan perniagaan sebenar. Di samping itu pendidikan dan latihan keusahawanan juga perlu menitikberatkan penerapan nilai dan etika perniagaan sejajar dengan konsep ajaran Islam, tanpa mengira sama ada bagi kursus-kursus yang berbentuk motivasi atau yang berbentuk kemahiran. Penceramah-penceramah yang diundang dalam program-program latihan keusahawanan terutamanya yang berbentuk kursus motivasi mestilah terdiri daripada mereka yang berpengalaman luas dalam bidang perniagaan. Pengisian program pendidikan dan latihan bagi melahirkan usahawan yang profesional seharusnya tidak hanya menumpukan kepada kejayaan menghasilkan produk yang menguntungkan dan strategi pemasaran yang berkesan tetapi perlu juga perlu menekankan pengisian rohani berasaskan '*dhikr Allah.*' Hal ini amat penting bagi mencapai beberapa objektif, antaranya melahirkan sifat ikhlas sebagai satu pengabdian kepada Allah,

mengelakkan bermegah-megah dan meninggikan rasa tanggungjawab terhadap Allah (Mohd. Kamal Hassan, 1996)

Pendidikan dan latihan keusahawanan juga perlu menitikberatkan kesedaran berkaitan kaedah perniagaan menurut perspektif Islam - konsep perniagaan sebagai satu ibadah, kesedaran membayar balik pinjaman, tanggungjawab sosial usahawan Muslim terhadap masyarakat, mengelakkan pinjaman berasaskan unsur riba' dan kewajipan membayar zakat perniagaan. Agensi-agensi yang mengendalikan program pendidikan dan latihan keusahawanan seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), MARA, IPPJ dan Dewan Perniagaan Islam/Bumiputera perlu memainkan peranan dalam memberikan pendidikan berkaitan dengan perkara-perkara di atas dalam mengendalikan program-program latihan keusahawanan yang dianjurkan.

Pelaksana program juga perlu memberikan penekanan bagi melahirkan usahawan bumiputera yang mempunyai kemahiran berfikir dan mempunyai kemahiran generik. Wawasan Malaysia sebagai sebuah Negara maju menjelang 2020 membawa bersamanya cabaran modenisasi dan perkembangan teknologi yang memerlukan tenaga manusia yang cekap, cecal dan boleh berfikir. Sistem ekonomi yang berteraskan perusahaan teknologi tinggi dijangka akan mengubah corak dan pola dunia pekerjaan, di mana seseorang pekerja dijangka akan bertukar pekerjaan sebanyak 5 hingga 8 kali sepanjang hayatnya disebabkan perubahan yang pesat di tempat kerja (Naisbitt dan Arbudene, 1989). Oleh yang demikian usahawan perlu melengkapkan diri mereka dengan pelbagai kemahiran seperti kecekapan pengendalian maklumat, menyelesaikan masalah, bekerjasama, berkomunikasi, serta berfikir dengan kritis dan kreatif (Perkins, 1986).

4.6.4 Peranan Institusi Tidak Formal

Institusi sosial juga memainkan peranan penting dalam menyediakan persekitaran kondusif bagi melahirkan nilai-nilai keusahawanan selari dengan kehendak ajaran Islam. Institusi kekeluargaan berperanan memberikan asas-asas menanamkan nilai-nilai yang baik dan dapat membentuk budi pekerti anak-anak dengan sikap-sikap yang baik seperti jujur, amanah, rajin berusaha, suka membantu, dan bertanggungjawab yang sangat ditekankan oleh ajaran Islam. Di samping sikap-sikap tersebut, ciri-ciri yang mengarah kepada keusahawanan seperti kreatif,

inovatif dan kemahiran berkomunikasi juga perlu diterapkan dalam kalangan kanak-kanak Muslim. Umat Islam yang sudah berkecimpung dalam bidang perniagaan perlu melibatkan anak-anak mereka dalam perniagaan yang mereka ceburi se awal mungkin. Pengalaman usahawan berjaya menunjukkan bahawa pendidikan keusahawanan yang dimulakan di peringkat keluarga berjaya menanamkan minat terhadap keusahawanan, seterusnya membentuk sikap keusahawanan efektif. Sekiranya sikap keusahawanan itu diperkukuhkan dengan pendidikan agama, maka pemahaman tersebut dapat melahirkan ciri-ciri usahawan Muslim berjaya. Hal ini bermakna minat dan sikap keusahawanan dapat dipupuk oleh ibu bapa dan keluarga pada peringkat yang lebih awal.

Institusi agama juga perlu memainkan peranan dalam menyebarkan keperluan kepentingan usaha-usaha perniagaan termasuk menerangkan keperluan untuk mengangkat martabat Islam, kaedah-kaedah menjalankan perniagaan mengikut lunas-lunas Islam, menekankan kewajipan mengeluarkan zakat daripada perniagaan yang dijalankan, keutamaan mewujudkan *networking* yang kuat berasaskan persaudaraan Islam dalam kalangan umat Islam supaya umat Islam memberikan sokongan padu terhadap produk-produk yang dikeluarkan oleh umat Islam sendiri. Media juga memainkan peranan yang penting dalam menyediakan iklim yang dapat membantu memberikan maklumat yang berguna. Alat-alat media massa yang liputannya menyeluruh seperti TV, suratkhbar, internet dan majalah sangat berpengaruh. Dalam masyarakat yang bermaklumat, media massa mempunyai pengaruh yang sangat besar dalam menentukan rupa bentuk masyarakat yang mahu dilahirkan. Oleh itu bagi melahirkan usahawan Bumiputera yang bermaklumat, maklumat-maklumat yang disebarkan mestilah tepat. Nilai-nilai yang disebarkan oleh media memainkan peranan penting dalam mempengaruhi nilai-nilai yang akan menjadi pegangan masyarakat.

Selain itu, peranan badan-badan bukan kerajaan (NGO) terutama badan-badan dakwah dan persatuan peniaga bumiputera/Islam penting untuk memberi kefahaman yang jelas terhadap masyarakat termasuk golongan usahawan terhadap penghayatan nilai-nilai dan etika Islam dalam setiap aspek kehidupan termasuk yang bersangkutan-paut dengan bidang perniagaan. Justeru penekanan terhadap nilai-nilai keusahawanan yang bersesuaian dengan nilai dan etika Islam boleh disebarkan melalui pendekatan ceramah, seminar, konvensyen lawatan media cetak dan media elektronik. Kesepaduan fungsi ketiga-tiga jenis institusi pendidikan tidak formal ini boleh menjadi penggerak kepada lahirnya usahawan Bumiputera yang bermaklumat dan berdaya saing dan apabila ketiga-tiga institusi

tidak formal ini di gabungkan dengan program pendidikan dan latihan keusahawanan yang terancang dan berterusan barulah dapat melahirkan usahawan Bumiputera Muslim yang berjaya.

4.6.5 Peranan Kerajaan

Kerajaan memainkan peranan penting bukan sahaja dalam pembentukan masyarakat usahawan Bumiputera tetapi juga dalam menentukan segala urusan yang melibatkan kerena birokrasi dapat dibentaras. Selain daripada itu masalah gejala rasuah yang berleluasa dalam jabatan-jabatan kerajaan perlu dibendung. Penubuhan Pelan Integriti Nasional (PIN) diharapkan dapat mengenalpasti hingga ke akar umbi masalah kemerosotan integriti dalam kalangan pelbagai lapisan masyarakat tidak terkecuali golongan kaki tangan kerajaan dan golongan peniaga. Kajian-kajian secara terperinci kemerosotan integriti termasuk perlakuan rasuah akan memudahkan Badan Pencegah Rasuah (BPR) menjalankan siasatan dan seterusnya melakukan tindakan di bawah bidang kuasa badan tersebut.

Selain daripada peranan yang boleh dimainkan oleh agensi-agensi yang sedia ada, satu dasar penting yang boleh dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk mengawal pelanggaran etika peniaga dan pihak-pihak lain yang ada kaitan ialah dengan menghidupkan kembali peranan institusi al Hisbah. Institusi al Hisbah adalah satu institusi yang pernah memainkan peranan penting dalam sejarah kegemilangan Islam. Salah satu fungsi Institusi al Hisbah ialah untuk mengawal berlakunya pelanggaran dalam perniagaan seperti berlakunya kes-kes penipuan, penindasan, perjudian, pemalsuan atau kemudaratan dan kerosakan terhadap kepentingan masyarakat atau individu-individu lain. Melalui institusi al Hisbah, golongan-golongan yang melaksanakan tanggungjawab *'fardhu kifayah'* termasuk golongan peniaga bertanggungjawab mengeluarkan dan menjual barang atau perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat, kakitangan kerajaan yang bertanggungjawab melaksanakan tugas yang ada kaitan dengan kepentingan masyarakat sentiasa diawasi oleh petugas-petugas al Hisbah supaya menyempurnakan tanggungjawab mereka mengikut nilai dan etika Islam (Mohd. Parid Sheikh Ahmad dan Mohd. Azmi Omar, 1991; Mardzelah Makhsin, 2004).

4.6.6 *Peranan Individu Usahawan*

Kesedaran individu kepada mengamalkan nilai dan etika berpandukan ajaran Islam merupakan faktor asas yang perlu dimiliki oleh setiap individu usahawan Bumiputera Muslim untuk melahirkan sikap keusahawanan dan ciri-ciri usahawan Muslim yang betul, berjaya, sentiasa melakukan '*muhasabah*' diri dan berusaha dengan gigih dalam lingkungan rahmat keredaan Allah

4.6.7 *Penyusunan Semula Program Pendidikan dan Latihan Keusahawanan*

Program pendidikan dan latihan keusahawanan perlu dirangka bagi memenuhi keperluan usahawan yang menekankan latihan bersifat praktikal dan menitikberatkan penerapan nilai dan etika perniagaan sejajar dengan ajaran Islam (Mohd. Kamal Hassan, 1996). Ini adalah untuk melahirkan usahawan Melayu-Muslim yang cemerlang. Agensi-agensi yang mengendalikan program pendidikan dan latihan keusahawanan seperti Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), MARA, IPPJ, Dewan Perniagaan Islam/Bumiputera perlu memainkan peranan dalam memberikan pendidikan berkaitan dengan perkara-perkara di atas semasa mengendalikan program-program latihan keusahawanan yang dianjurkan.

Program pendidikan dan latihan keusahawanan dalam kerangka pendidikan sepanjang hayat perlu disusun agar dapat melengkapkan individu usahawan dengan pelbagai kemahiran seperti kecekapan pengendalian maklumat, menyelesaikan masalah, bekerjasama, berkomunikasi, serta berfikir dengan kritis dan kreatif (Perkins, 1986). Ini boleh dilaksanakan melalui beberapa pendekatan berikut:

- (1) memberi latihan berterusan mengenai konsep dan nilai perniagaan kepada pelaksana dasar dan pelaksana program keusahawanan
- (2) menerapkan nilai Islam dalam latihan keusahawanan dan program keusahawanan
- (3) mengadakan kempen, seminar, bengkel dan majlis diskusi untuk menyebarkan pendekatan Islam dalam perniagaan kepada masyarakat usahawan Muslim. (Wan Liz Ozman, 2000:215)

4.6.8 Peranan kerajaan dan Penguatkuasa

Unsur birokrasi dan kelambatan urusan mendorong berlakunya rasuah. Amalan nilai dan etika murni dalam kalangan penguatkuasa atau pentadbir kerajaan perlu diberi perhatian. Amalan meminta dan memberi rasuah perlu dihapuskan supaya dapat membentuk persekitaran pekerjaan yang baik. Penguatkuasaan terhadap gejala rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa perlu tindakan berkesan (Pelan Integriti Nasional, 2004)

5.0 KESIMPULAN

Usaha membangunkan individu dan masyarakat usahawan Bumiputera perlu merujuk kepada nilai dan etika Islam. Pelbagai bentuk pelanggaran nilai dan etika keusahawanan dalam aktiviti perniagaan memerlukan rangka strategi dan kawalan tindakan yang berkesan. Satu model pembangunan dan budaya niaga berteraskan nilai dan etika Islam perlu dirujuk untuk menjadi panduan amalan usahawan dan latihan keusahawanan. Justeru, kajian ini mengemukakan satu model pendidikan dan pembangunan usahawan dan keusahawanan untuk dijadikan rujukan umum. Pengamalan budaya niaga dan pelaksanaan program pembangunan usahawan Bumiputera yang menepati nilai dan etika Islam dapat membentuk usahawan Muslim yang berjaya.

RUJUKAN

- [1] Abd Rahim Abd Rashid. 2001. *Perubahan Paradigma Nilai Ke Arah Transformasi Sosial dan Pembentukan Malaysia Baru*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- [2] Abdul Khalid Ibrahim. 1992. Ke Arah Usahawan Bumiputera yang Berdaya Saing Menerusi Etika Niaga dan Mempertajam Daya Fikir Strategik. Kertas Kerja Kongres Ekonomi Bumiputera Ketiga. Dewan Perniagaan Melayu Malaysia, Kuala Lumpur, 10-12 Januari.
- [3] Adnan Alias. 1992. Konsep Keusahawanan. Dlm MEDEC. *Asas Keusahawanan*. Shah Alam: BIROTEKS (Biro Penyediaan Teks), ITM. 3-15.
- [4] Adnan Alias. 1992. Model Perlakuan Usahawan Mukmin. Dlm. Adnan Alias, Humam Mohammad & Mohamed Dahlan Ibrahim (Penyunting). *Konsep Keusahawanan Islam*. Shah Alam, Selangor: Arina Publication House. 23-50.
- [5] Ahmad Zaki Husin. 2001. Pembanterasan Jenayah Rasuah di Malaysia Isu dan Cabaran. Siri Syarahan Umum. Bil.12. Universiti Sains Malaysia.
- [6] Al Ghazali. 1979. *Ihya Ulumuddin*. Jilid 5. Kuala Lumpur: Victory Agencie.

- [7] Al Ghazali. 1980. *Bimbingan Mukmin Pada Mencari Redha Rabbul Alamin*. Jilid 1 dan 2, Singapura: Pustaka Nasional Ltd.
- [8] *Al Qur'anu 'L Karim Terjemahan dan Huraian Maksud*. (Terjemahan Abu Salah Muhammad 'Uthman el-Muhammady). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [9] Al Attas, Syed Hussein. 1990. *Rasuah, Sifat, Sebab dan Fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [10] Baharin Abu. 2000. *Teaching Effectiveness and Staff Professional Development Programmes at a Higher Learning Institution in Malaysia*. A Thesis of Doctor of Philosophy, School of Education, University of Birmingham.
- [11] Barjoyai Bardai. 2000. Ciri-ciri Keusahawanan Yang Dinamik Di dalam Islam. *Seminar Kebangsaan Sistem Ekonomi Islam*. Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) & Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), Hotel Perdana, Kota Bharu, Kelantan, 5 dan 6 Jun.
- [12] Bogdan, R. C. & Biklen, S. K. 1998. *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods*. 3rd edition. Boston, USA: Allyn and Bacon.
- [13] Buerah Tunggak. 2007. *Budaya Niaga Usahawan Bumiputera dan Implikasinya Terhadap Pendidikan dan Pembangunan Keusahawanan Islam*. Tesis Ph.D Fakulti Pendidikan, UTM.
- [14] Chin Yee Whah. 2003. *Budaya dan Keusahawanan Cina di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [15] Dewan Masyarakat. 1998. Gaya Hidup Peniaga Muslim Tidak Boros dan Rajin Bersedekah. Januari. 44-45.
- [16] Ghazali Basri. 1984. Konsep dan Pengertian Pendidikan Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Pendidikan Islam*. Bil. 2, Oktober, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- [17] Golafshani, N. 2003. *Understanding Reliability and Validity in Qualitative Research*. The Qualitative Report. 8(4): 597-607.
- [18] Hasan Langgulung. 1995. *Pendidikan Islam dan Peralihan Paradigma*. Shah Alam, Selangor: HIZBI.
- [19] Humam Mohamad. 1988. *Entrepreneurial Development in Malaysia With Specific Reference to Training and Development Initiatives*. PhD, University of Stirling.
- [20] Hussein Hj. Ahmad. 2001. *Mandat UNESCO & Cabaran Globalisasi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- [21] Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN). 1994. *Dasar dasar Pembangunan Malaysia*. Kuala Lumpur: INTAN Malaysia.
- [22] *Pelan Integriti Nasional*. 2004. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
- [23] Mardzelah Makhsin. 2004. *Konsep Hisbat Dalam Amalan Moden*. Bil. 35. Pemikir Jan-Mac.
- [24] Marohaini Yusoff. 2001. Pengutipan dan Pengumpulan Data Perlakuan dan Proses Menulis Karangan dalam Bilik Darjah dalam Marohaini Yusoff (editor). *Penyelidikan Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- [25] Mat Hassan Esa. 1992. Pelan Induk Budaya Keusahawanan. dalam Chamsuri Siwar, Mohd Yusof Kasim dan Abdul Malik Ismail (Penyunting). *Ekonomi Bumiputra Selepas 1990*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- [26] Merriam B. S. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education: Revised and Expanded from Case Study Research in Education*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers.
- [27] Moha Asri Hj Abdullah. 1999. *Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- [28] Moha Asri Hj. Abdullah. 1997. *Industri Kecil di Malaysia: Pembangunan dan Masa Depan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- [29] Moha Asri Hj. Abdullah. 1998. Persepsi Usahawan Kecil dan Sederhana Terhadap Program Latihan di Malaysia. *Akademika*. 52: 35-47.
- [30] Moha Asri Hj. Abdullah, Juhary Ali dan Faoziah Idris. 2000. *Pengurusan Perniagaan Kecil*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- [31] Mohd. Amir Sharifuddin bin Hashim. 1983. *Bumiputra Entrepreneurship: A Study of MARA Loanees in the Malaysian State of Kelantan*. A Thesis of Doctor of Philosophy in Business Studies at Massey University, New Zealand.
- [32] Mohd. Hassan Mohd. Osman. 2002. *High Technology Small and Medium Sized Enterprises (HTSMEs): An Assessment of The Determinants of Growth and Constraints of Growth and Constraints Faced by HTSMEs in Malaysia*. Ph.D. Thesis University of Loughborough.
- [33] Mohd. Kamal Hassan. 1996. *Towards Actualizing Islamic Ethical and Educational Principles in Malaysian Society Some Critical Observation*. Petaling Jaya Selangor: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).
- [34] Mohd. Kamal Hassan. 1988. *Pendidikan dan Pembangunan Satu Perspektif Bersepadu*. Kuala Lumpur: NURIN ENTERPRISE.
- [35] Mohd. Parid Sheikh Ahmad dan Mohd. Azmi Omar. 1991. Al-Hisbah Dalam Ekonomi Islam. Dlm. Sheikh Ghazali Sheikh Abod dan Zambry Abdul Kadir (Penyunting). *Pengurusan Perniagaan Islam*. Shah Alam: Penerbit Hizbi.
- [36] Mohd. Kamal Hassan. 1989. Values Education Framework Based on Islamic Concepts and Precepts. *Jurnal Pendidikan Islam*. 2(3): 71-83.
- [37] Muhamad Kasim bin Basir. 2003. *Pembelajaran Konsep Sains Secara Kolaboratif Menggunakan Perisian Berasaskan Web dalam Kontek Sekolah Bestari*. Tesis Ph.D. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- [38] Nor Aishah Buang. 2002. *Asas Keusahawanan, Siri Pengurusan Fajar Bakti*. Shah Alam, Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- [39] Norfadzillah bt Hitam. 1994. *Bumiputera Entrepreneurship: An Evaluation of the Entrepreneurship Training Programs Conducted by Majlis Amanah Rakyat (MARA) and the Malaysian Entrepreneurship Development Center (MEDEC)*. A Dissertation Doctor of Philosophy in Political Science, University of Hawaii.
- [40] Perkins, D. 1986. *Knowledge as Design*. Hillsdale, NJ: Erlbaum.
- [41] Samsudin Osman. 2006. Membina Masyarakat Maju. Ucapan Ketua Setiausaha Negara Sempena *Majlis Pelancaran Pelan Integriti Nasional dan Institut Integriti Malaysia*. Diperoleh pada 7 Julai 2006 daripada Laman Web Dunia: <http://www.islam.gov.my/pipa/setiausaha.html>.
- [42] Seminar Keusahawanan Bumiputera dari Gerai ke Ekonomi Global (2002). Diperolehi pada 20 Mac 2004 dari Laman Web Dunia di <http://www.miti.gov.my/speech-130go02.html>.
- [43] Sufean Hussin. 1996. *Pendidikan Di Malaysia Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- [44] Wan Liz Ozman Wan Omar. 2000. *Mengurus Agenda Abad 21 Cabaran dan Persiapan Dalam Era Globalisasi*. Kuala Lumpur: Golden Book Centre Sdn. Bhd.
- [45] Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias. 1997. *Keusahawanan dan Motivasi Diri*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- [46] Sardar, Ziauddin. 1990. *Masa Hadapan Islam, Bentuk Idea yang akan Datang*. (Terjemahan Mohd Sidin Ahmad Ishak) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.